

# Soalan – soalan Lazim Program AFFIN DUO untuk Graduan

#### 1. S: Program apakah ini?

J: Program AFFIN DUO untuk Graduan adalah Program eksklusif oleh Bank untuk graduan muda memiliki kad kredit iaitu AFFIN DUO.

## 2. S: Siapa yang layak mengikuti program ini?

J: Umur minimum 21 tahun dan sehingga 25 tahun.

## 3. S: Apakah syarat Program?

J: Apa yang perlu anda lakukan ialah dengan membuat aku cagar Akaun Simpanan (SA) dengan Affin Bank.

# 4. S: Apakah aku cagar minimum atau maksimum?

J: Aku cagar minimum SA ialah RM500 dan aku cagar maksimum adalah RM10,000.

#### 5. S: Di manakah saya boleh membuat aku cagar SA?

J: Anda boleh kunjungi mana-mana cawangan Affin Bank berhampiran anda untuk maklumat lanjut dan melakukan aku cagar SA.

## 6. S: Mengapakah aku cagar SA sahaja yang dibenarkan untuk Program ini?

J: Hanya aku cagar SA sahaja yang terpakai untuk Program ini kerana ianya bersesuaian dengan segmen sasaran yang dapat menolong mereka menanamkan sifat bersederhana dalam perbelanjaan dan penjimatan kad kredit sambil menikmati kemudahan dan faedah-faedah dari kad kredit.

#### 7. S: Berapakah had kredit untuk kad kredit di bawah Program ini?

J: Had kredit akan diberikan berdasarkan jumlah aku cagar yang dibuat dan akan dikongsi bersama untuk Kredit Kad AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards).

#### 8. S: Adakah saya perlu membayar sepenuhnya untuk kad kredit yang digunakan di bawah Program ini?

J: Anda tidak perlu membayar kad kredit anda dengan jumlah yang penuh. Anda hanya perlu membuat pembayaran minimum sebelum tarikh akhir pembayaran kad kredit anda seperti kad kredit yang lain.

#### 9. S: Bagaimana saya membuat bayaran kad kredit?

- J: Anda boleh membuat bayaran kad kredit anda melalui saluran berikut:
  - Perbankan Internet (RIB) di www.affinonline.com;
  - Pindahan secara dalam talian dari mana-mana laman web Perbankan Dalam Talian pilihan anda;
  - Mesin Deposit Tunai AFFIN (CDM);
  - Mesin Teller Automatik (ATM) AFFIN dari akaun AFFIN anda.

#### 10.S: Apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak membayar kad kredit saya?

J: Kad kredit anda akan disekat untuk digunakan sekiranya pembayaran minimum tidak dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh pembayaran kad kredit anda. Sekiranya pembayaran minimum tidak dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembayaran kad kredit anda, baki hutang kad kredit anda akan diimbangi dari jumlah aku cagar.



## 11. S: Bagaimana saya membatalkan kad kredit saya?

J: Anda boleh mengemukakan permintaan pembatalan kad kredit anda dengan menulis kepada kami, menghubungi kami atau kunjungi mana-mana cawangan Affin Bank berhampiran anda untuk pembatalan kad kredit.

# 12. S: Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai kad kredit AFFIN?

J: Anda boleh log masuk ke laman web kami di www.affinonline.com, kunjungi mana-mana cawangan Affin Bank berhampiran anda atau hubungi kami di talian 03-8230 2222 untuk maklumat lanjut mengenai kad kredit AFFIN.

## 13. S: Apa yang akan berlaku pada aku cagar SA saya selepas pembatalan kad kredit?

J: Tanggungan (lien) kad kredit yang dikenakan kepada SA anda akan dihentikan semasa pembatalan kad kredit anda. Aku cagar SA anda akan kekal dan akan dihentikan hanya atas permintaan anda.

#### 14. S: Apa yang akan berlaku sekiranya saya membatalkan aku cagar SA saya?

J: Kad kredit anda akan ditamatkan secara automatik apabila aku cagar SA aanda ditamatkan.